

02/03/1998

Kekeliruan anti-Yahudi selesai

KEPUTUSAN Kongres Yahudi Sedunia (WCJ) menerima penjelasan Malaysia yang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersikap anti-Semitik sebenarnya menjelaskan soal prinsip rakyat negara ini. Jika mereka melihat dan mengkaji corak hidup rakyat di Malaysia yang berbilang kaum, pastinya mereka tidak akan mengambil tindakan sia-sia itu. Sebelum melemparkan tuduhan, sepatutnya mereka mempersoalkan adakah teguran Dr Mahathir terhadap seseorang individu boleh dibuat takrifan umum yang beliau anti-Yahudi. Kemarahannya terhadap seseorang, sepatutnya dikhususkan kepada individu berkenaan saja sama ada orang itu berbangsa Melayu, Cina, India, Yahudi, Arab, British, Amerika dan sebagainya. Perbuatan seseorang itu tidak menggambarkan sikap kaumnya. Jika seorang Melayu ditangkap kerana mencuri, tidak bermakna seluruh orang Melayu boleh dituduh pencuri. Jika seseorang didapati bersalah oleh mahkamah kerana melakukan perbuatan jenayah, dia sajalah yang perlu menjalani hukuman, bukan seluruh kaumnya. Kita tetap berpegang kepada prinsip ini.

Malaysia adalah negara yang percaya kepada kerjasama kaum. Malaysia maju kerana kemuafakatan kaum yang ada. Malah, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang menerajui Malaysia ditegakkan atas semangat perpaduan kaum. Menteri yang dilantik dalam kerajaan juga mewakili semua kaum di negara ini. Mereka berbincang dan merumus dasar bersama-sama menentukan arah tuju negara. Kepercayaan terhadap perpaduan kaum begitu menebal hingga setiap dasar yang dirumuskan, mengambil kira soal kerjasama dan kepentingan semua kaum. Sesuatu yang unik di Malaysia ialah rakyat boleh mengundi calon yang bukan mewakili kaumnya. Bagi sesuatu pilihan raya di sesuatu kawasan, meskipun calon yang dipilih mewakili kaum minoriti di kawasan itu, dengan sokongan kaum lain, calon itu menang dengan undi yang besar. Ini terbukti di kebanyakan tempat. Rakyat Malaysia sudah mengikis sikap perkauman kerana sedar ia tidak mendatangkan faedah terutama dengan mengambil iktibar Tragedi 13 Mei 1969.

Kita percaya WCJ bertindak dalam keadaan kekaburan berikutan satu kenyataan Dr Mahathir di Terengganu tahun lalu yang menyebut Yahudi sebagai angkara kepada kegawatan ekonomi rantau ini. Isu itu dipanaskan lagi apabila ia dibawa ke Kongres Amerika. Beberapa ahli Kongres bukan saja meminta Dr Mahathir menarik balik kenyataannya dan meminta maaf, malah memintanya meletakkan jawatan. Isu itu sebenarnya tidak perlu timbul jika WCJ mengambil kira sikap dan peribadi Dr Mahathir berhubung layanan yang diberikan kepada rakyat Yahudi yang berkunjung ke negara ini.

Malaysia pernah membawa masuk pasukan kriket Israel untuk menyertai satu pertandingan antarabangsa sedangkan tindakannya itu ditentang oleh pasukan lain. Demonstrasi membantah kemasukan pemain kriket itu diadakan oleh pelajar dan kumpulan tertentu, tetapi ia tidak mengubah sikap Perdana Menteri. Meskipun ketika itu ada pihak yang mengambil kesempatan memainkan isu agama berhubung peristiwa itu, Dr Mahathir mempertahankan pendiriannya walaupun ia menjadi isu politik di Malaysia.

Walaupun kita tahu Dr Mahathir adalah pemimpin yang begitu kuat mencemuh spekulator George Soros, ini tidak bermakna PM menyalahkan seluruh masyarakat Yahudi. Secara kebetulan Soros berbangsa Yahudi, kecaman terhadapnya dirasakan oleh masyarakat Yahudi. Secara kebetulan juga, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang menjadi mangsa manipulasi Soros, sudah tentulah menampakkan semacam ada permainan oleh kaum Yahudi.

Kita akui walaupun timbul pelbagai tanggapan, sewajarnya WCJ bertanya

terlebih dulu perkara itu secara terhormat daripada membenarkan ahli Kongres Amerika membuat ugutan. WCJ sepatutnya menulis surat kepada Dr Mahathir meminta penjelasan daripadanya. Sekalipun tidak berbuat demikian, Dr Mahathir sudah pun menjelaskan menerusi media yang kenyataannya disalahtafsirkan. Sepatutnya setiap perkembangan ini diambil kira sebelum bertindak.

Sebagai pertubuhan yang berpengaruh, WCJ sepatutnya tidak mengambil tindakan melulu menuduh Dr Mahathir sebagai bersikap anti-Semitik. Kita perlu faham sebagai seorang pemimpin yang dikenali di peringkat antarabangsa, Dr Mahathir mempunyai ramai kenalan termasuk daripada kaum Yahudi. Dengan tuduhan seperti itu boleh menjejaskan hubungannya dengan rakannya yang lain sama ada sesama pemimpin atau kenalan akrab bukan politik. Walau apapun hakikatnya, kita menganggap isu ini sudah berakhir dan tidak ada mana-mana pihak yang menang atau tewas.

(END)